



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (*MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) FOR A 'STRATEGIC PARTNERSHIP AND COLLABORATION IN LABUAN HALAL INDUSTRIAL PARK'*)**

**PUTRAJAYA, 19 Mac 2019** - Peningkatan jumlah permintaan produk halal di pasaran dunia memberikan impak yang besar kepada industri halal negara. Ini kerana, produk yang mendapat pensijilan dari Malaysia adalah di antara produk halal yang diiktiraf dan mendapat permintaan yang tinggi di seluruh dunia. Kebelakangan ini, Malaysia menjadi tumpuan kepada mana-mana kilang pengeluar produk makanan dan minuman, produk kesihatan dan kecantikan dari luar negara yang ingin memperluaskan operasi pengeluaran dan pasaran produk mereka, khususnya untuk mendapatkan pensijilan halal Malaysia.

Labuan Halal Hub Sdn. Bhd. menyedari peluang ini sejak awal lagi dan telah membuat pelbagai persediaan untuk memenuhi permintaan ini. Pelbagai perkhidmatan tambahan disediakan seperti kemudahan logistik patuh syariah, serta keperluan-keperluan lain untuk membolehkan pemain industri mendapatkan pensijilan halal Malaysia dan dalam masa yang sama meletakkan Malaysia dan Labuan secara khususnya, sebagai pusat dagangan mereka untuk pasaran Asia. Di samping itu, tiga tahun kebelakangan ini, Labuan Halal Hub juga telah mengadakan kunjungan dagang ke negara-negara yang berpotensi dalam pengeluaran produk makan halal. Kunjungan ini bertujuan untuk menarik pelabur dalam industri Halal ke Labuan bagi memastikan kemudahan sedia ada di Wilayah Persekutuan Labuan dimanfaatkan sepenuhnya.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama CMK Consortium Co., Ltd. mewakili pemain industri peralatan kecantikan dari Korea Selatan hari ini adalah tambahan daripada lima (5) pencapaian yang telah diperolehi oleh Labuan Halal Hub (LHH). LHH setakat ini telah pun menjalin kesefahaman dengan 4 kesatuan peniaga dari luar negara iaitu Taiwan, Australia (Perth WA), Brunei, Korea Selatan, China (Henan) dan sebuah syarikat dari Eropah. Sebahagian daripada bentuk kolaborasi adalah melibatkan permintaan aktiviti dan latihan dalam pensijilan halal Malaysia dan selebihnya adalah kepada jalinan dagang kesefahaman untuk menjadikan Labuan sebagai hub pemasaran produk halal. Di peringkat awal, tumpuan pasaran oleh CMK Consortium adalah

Malaysia, Indonesia dan Brunei melalui pengeluaran satu jenama Malaysia (*Malaysian Brand*). Inisiatif oleh bakal pelabur adalah untuk membentuk kluster Halal yang meliputi produk kosmetik, makanan dan *pharmaceutical*.

Sokongan dan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan di dalam membantu memperkenalkan perkhidmatan Labuan Halal Hub dianggap satu usaha yang bertepatan dalam agenda untuk membangunkan ekonomi Labuan dalam sektor ini, iaitu sektor industri Halal Malaysia. Diharap usaha ini akan berterusan dan membuahkan hasil dalam misi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Halal Dunia.

**Disediakan oleh :**

**Bahagian Pembangunan Strategik  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
19 Mac 2019**